

Hubungan Antara Gaya Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Subjek Bahasa Inggeris Di Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Mersing, Johor

Hasmadi bin Hassan, Zamri bin Basumi

Universiti Malaysia Pahang

hasmadi@ump.edu.my, ijamrie@gmail.com

Universiti Malaysia Pahang

ABSTRAK

Kajian kuantitatif ini yang berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian, adalah bertujuan untuk meneroka secara analitik gaya pengajaran yang paling dominan dan popular yang menjadi amalan dalam kalangan guru-guru Bahasa Inggeris di daerah Mersing, Johor. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara jenis-jenis gaya pengajaran guru Bahasa Inggeris dengan prestasi akademik pelajar dalam subjek Bahasa Inggeris Pemahaman. Permasalahan yang wujud di daerah Mersing yang menjadi tempat kajian ditunjukkan melalui pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Inggeris dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), yang menunjukkan penurunan sejak tahun 2013 hingga 2017 dan menduduki tangga tercorot dari segi peratusan kelulusan menguasai tahap minimum dan Gred Purata daripada 11 buah daerah dalam negeri Johor. Punca utama berlakunya penurunan tersebut adalah disebabkan pencapaian subjek Bahasa Inggeris yang lebih rendah berbanding subjek-subjek lain yang diuji. Kajian ini melibatkan seramai 376 orang responden yang dipilih secara rawak daripada populasi seramai 1034 orang pelajar yang telah menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2017. Data yang dikumpul melalui soal selidik yang diubahsuai daripada Inventori Gaya Pengajaran Guru Grasha (1996) telah diproses dan dianalisis menggunakan kaedah saintifik deskriptif dan korelasi sejarar dengan objektif kajian, dengan menggunakan perisian ‘Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) for Windows’ versi 22.0. Dapatkan kajian mendapati bahawa gaya pengajaran guru yang paling dominan dari perspektif pelajar adalah gaya Model Peribadi yang mengatasi empat lagi gaya pengajaran iaitu gaya Fasilitator, gaya Pakar, gaya Delegator dan gaya Autoriti Formal. Kajian ini turut mendapati terdapat hubungan yang signifikan pada tahap korelasi yang sangat lemah antara gaya Model Peribadi dengan pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Inggeris Pemahaman.

KATA KUNCI: Gaya pengajaran, Pencapaian pelajar, Bahasa Inggeris.

ABSTRACT

This quantitative study is aimed to analytically explore the most dominant and popular teaching styles that are practiced among English teachers in Mersing, Johor. It also aimed to identify whether there is a significant relationship between the teaching style of English teachers with students' achievement in English Language. The problems faced in Mersing area where the study was conducted were shown by students' achievement in English Language subject in UPSR examination, which showed a trend of declination from 2013 to 2017. As a result, Mersing was ranked at the lowest position in terms of percentage and average grades among the 11 other districts in Johor. The main cause of the declination was due to the lower English Language achievement compared to other tested subjects. This study involved 379 respondents who were randomly selected from a population of 1034 students who had been sitting for the UPSR examination in 2017. The data collected through the questionnaire which was modified from the Grasha Teacher's Teaching Style Inventory (1996), were processed and analyzed using descriptive and correlation methods, aligned with the objectives of the study, using the 'Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) for Windows version 22.0' software. The findings showed that Personal Model was the most dominant teacher teaching style from the student perspective that overwhelmed four other teaching styles namely Facilitator, Expert, Delegator and Formal Authority. This study also found that there was a very weak significant correlation between the Personal Model style and students' achievement in English Language.

KEYWORDS

Teaching style, students' achievement, English Language